

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
7 March 2016

Pakatan Dr. M bercelaru - Tiong Lai

um-7/3/2016

KUALA LUMPUR 6 Mac - Deklarasi Rakyat yang ditandatangani oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama 50 pemimpin termasuk Lim Kit Siang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak disifatkan sebagai satu pakatan yang bercelaru.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, tindakan setiap seorang pemimpin termasuk pemimpin pakatan pembangkang yang turut menandatangani deklarasi itu jelas sekali mempunyai pendirian politik yang berbeza.

Tegasnya, MCA tidak akan menyokong gerakan mana-mana pihak yang mahu menjatuhkan Perdana Menteri dan memberi sepenuh sokongan kepada Najib untuk memimpin negara ini.

"Ini ialah pendirian tegas MCA, sekiranya ada apa-apa pandangan terhadap pucuk pimpinan, ia boleh disuarakan melalui cara demokrasi kerana kita ada sistem pilihan raya yang dijalankan setiap lima tahun sekali.

"Ini saluran yang perlu diikuti bukan melalui retorik politik yang ada agendanya yang tersendiri untuk menjatuhkan mana-mana pemimpin melalui cara yang tidak demokratik," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Wisma MCA Kepong di sini hari ini.

Pelbagai pihak semalam menolak kerjasama Dr. Mahathir dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang mahu menjatuhkan Perdana Menteri melalui satu deklarasi yang disifatkan membela Perlembagaan.

Dalam pada itu, Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam

berkata, tindakan Dr. Mahathir yang sanggup bersekongkol dengan pakatan pembangkang bagi menjatuhkan kepimpinan Perdana Menteri amat mengecewakan.

Kata beliau, sebagai seorang bekas Perdana Menteri dan negarawan, perbuatan beliau amat tidak wajar kerana bertentangan dengan prinsip asas demokrasi.

Sementara itu, di **KUCHING**, Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), **Tan Sri Alfred Jabu Numpang** berkata, BN Sarawak menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri yang memahami keperluan rakyat khususnya di Malaysia Timur.

"Dasar Pandang Timur jika dilihat di negara ini, Sabah dan Sarawak adalah di Timur dari Kuala Lumpur, bagaimanapun sebelum ini kita tidak begitu diendahkan.

"Tapi apabila Najib memimpin sebagai Perdana Menteri, beliau melihat Dasar Pandang Timur sebenar iaitu Malaysia Timur," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peras-

mian Sambutan Hari Landskap Negara 2016 Peringkat Kebangsaan di Dewan Undangan Negeri Sarawak (Lama).

Turut menyatakan kekecewaan, Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak, **Prof. Datuk Dr. Sim Kui Hian** yang menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu hanya dibuat atas kepentingan politik sehingga mengetepikan kebajikan rakyat.

"Sebagai seorang yang telah banyak melakukan pembangunan kepada Malaysia, beliau seharusnya menahan diri daripada melakukan serangan peribadi terhadap Perdana Menteri," ujarnya.



S. SUBRAMANIAM



ALFRED JABU



SIM KUI HIAN